

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN  
BAKRI [KUDAT]**

**NO. SOALAN : 18**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan jumlah projek bekalan  
elektrik dan air luar bandar yang telah siap  
dilaksanakan di kawasan Parlimen Kudat dan  
berapakah projek yang masih dalam pembinaan dan  
bilangan projek yang terbengkalai.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah diperuntukan sejumlah RM 283.55 juta bermula dari tahun 2010 sehingga 2017 untuk melaksanakan projek-projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di bawah Parlimen Kudat.

Khusus bagi projek BELB, sejumlah RM93.6 juta telah diperuntukan bagi melaksanakan sebanyak 25 buah projek yang memberi manfaat kepada 1,655 buah rumah. Sebanyak 16 buah projek yang memberi manfaat kepada 773 buah rumah telah siap sepenuhnya sehingga tahun 2015. Manakala, tiga (3) buah projek lagi yang memberi manfaat kepada 549 buah rumah telah siap secara fizikal namun hanya dapat dibekalkan dengan bekalan elektrik selepas Talian 33kV dari PPU Pitas ke PPU Simpang Bongkol siap untuk dimulatugas pada bulan

September 2017. Enam (6) buah projek yang memberi manfaat kepada 333 buah rumah telah mula dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* (RP) Pertama, RMK-11 pada tahun 2016 dan dijangka akan siap pada bulan Oktober 2018.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, khusus bagi projek BALB, dari tahun 2010 sehingga 2017 sejumlah RM189.95 juta telah diperuntukan bagi melaksanakan sebanyak sebelas (11) buah projek yang memberi manfaat kepada 10,025 buah rumah di Parlimen Kudat. Projek-projek tersebut termasuklah sistem retikulasi air, membina dan menambah baik loji rawatan air. Sebanyak lapan (8) buah projek yang memberi manfaat kepada 5,315 buah rumah telah siap dilaksanakan sehingga tahun 2017.

Manakala tiga (3) buah projek lagi yang memberi manfaat kepada 4,710 buah rumah telah mula dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* (RP) Pertama, RMK-11 pada tahun 2016. Projek tersebut adalah

projek Retikulasi Air ke Kg Suangpai dan Zon 10 Daerah Kudat serta projek Pembinaan Loji Rawatan Air Ke-2 Pitas, Sabah. Status terkini pelaksanaan projek ini adalah di dalam proses rekabentuk oleh perunding yang dilantik dan dijangka siap berperingkat-peringkat sehingga tahun 2019.